

## KEPEMIMPINAN DALAM NOVEL *PERANG SANGKIL*: SATU BACAAN PENDEKATAN PENGURUSAN

Saravanan P. Veeramuthu

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia

Penulis Koresponden: Saravanan P. Veeramuthu  
saravanan@usm.my

---

**Abstrak:** Pendekatan Pengurusan dalam jagat kritikan kesusasteraan menjadi salah satu kaedah baharu yang diketengahkan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013) dan boleh digunakan oleh ahli akademik dan pengkritik untuk mendekati karya-karya kesusasteraan. Namun demikian aspek pengurusan dilihat sebagai suatu entiti yang terasing dan terpinggir dalam dunia sastera walaupun pendekatan pengurusan dalam sastera ini bersifat rentas disiplin. Novel *Perang Sangkil* (2007) naratif nukilan Akiya, sebenarnya mengetengahkan suara-suara masyarakat Orang Asli dari pedalaman yang selama ini jarang ditonjolkan. Malahan karya ini dipilih kerana membawa wacana yang mengangkat polemik yang telah mewarnai masyarakat Orang Asli dan hal ini menarik dan wajar diteliti. Makalah ini bertujuan untuk melihat sejauhmanakah pendekatan pengurusan menonjol dalam karya ini. Tumpuan akan diberikan kepada Prinsip Kepimpinan, yakni dimensi pentadbiran yang akan diselami melalui aspek struktur teks iaitu dari segi watak dan perwatakan Dirik yang terdapat dalam novel ini. Kaedah analisis teks akan digunakan. Penelitian akan tertumpu kepada tiga peristiwa terpilih yang akan melihat bagaimana watak pemimpin memperlihatkan ciri-ciri pemimpin karismatik dalam novel ini merancang dan memberi reaksi kepada penyeksaan serta menghadapi keterpaksaan masyarakatnya. Dapatan membuktikan Dirik menggunakan pengurusan sebagai wahana dan mekanisme yang bijak dan berpandangan jauh. Selain itu pendekatan ini memperlihatkan perspektif kemampuan dan keupayaan Dirik sebagai seseorang pemimpin yang berkeupayaan untuk mempengaruhi, menerajui atau mengendalikan masyarakatnya. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa penulis telah mencipta watak Dirik dengan begitu baik dan ideal. Kepemimpinan yang matang dalam diri Dirik membantu masyarakatnya untuk mengharungi cabaran serangan yang telah menghancurkan masa depan Orang Asli pada era 1890-an.

**Kata Kunci:** Pendekatan Pengurusan, *Perang Sangkil*, Akiya, Orang Asli, Dimensi Pentadbiran

**Abstract:** The Management Approach in the world of literary criticism has become one of the new methods introduced by Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013) and it can be used by academicians and critics alike in examining literary works. Nevertheless, the management aspect is seen as a separate entity altogether in the literary world, even though the management approach in this literature is characteristically across (various) disciplines. The novel *Perang Sangkil* (2007), a narrative written by Akiya, actually highlights the voices of the Orang Asli community living in the interiors, of which all these while was rarely given prominence. In addition, this novel is chosen because it portrays the polemical discourse of the Orang Asli community and this is considered interesting and should be scrutinised further. This article aims to see how far the management approach stands out in this novel. Prominence will be given to the Leadership Principle, meaning which, the administrative dimension will be delved into, via/through the structural aspects of the text with respect to the character and the characterisation of Dirik, found in this novel. The text analysis method would be used here. The analysis will concentrate on three chosen incidents/episodes which will see how the leader character displays the attributes/traits of a charismatic leader, who plans and reacts to the torture and compulsion faced by his community, in this novel. Findings prove that Dirik uses management as an avenue and a mechanism that is intelligent and foresighted. Apart from that, this approach portrays the perspectives of Dirik's capability and capacity as a leader who has the ability to influence, lead or handle his community. By and large, this research shows that the author has created the character of Dirik in an apt and ideal manner. The maturity of leadership in Dirik has helped his community to face the challenges of attack, which had ruined the future of the Orang Asli people in the 1890s.

**Keywords:** The Management Approach, *Perang Sangkil*, Akiya, Orang Asli, Management aspect

---

**Cite as:** Veeramuthu, S. P. (2019). Kepemimpinan dalam Novel Perang Sangkil: Satu Bacaan Pendekatan Pengurusan. *Asian People Journal (APJ)*, 2(1),169-182.

**Received:** 13 September 2018 **Accepted:** 31 October 2018

---

### **Pengenalan**

Kualiti kepimpinan menentukan kejayaan ataupun kegagalan sesebuah organisasi (Ishak Mad Shah, 2006). Menurut Azlina Zid (2001), pemimpin bertanggungjawab membentuk pengikutnya dengan perancangan, teknik dan strategi yang teratur serta mengarahkan pengikutnya untuk bekerjasama menyelesaikan tugas dengan baik agar organisasi tersebut mencapai prestasi terbaik. Kepimpinan pula sangat dipengaruhi oleh kuasa budaya di negara atau kawasan di mana pemimpin tersebut menjalankan fungsinya (Andi Nurfitri, Suhana Saad dan Azmi Aziz, 2015). Kepemimpinan merupakan subjek menarik yang sering diperbahaskan oleh semua golongan masyarakat kerana pemimpin bertindak menyusun, mengarah serta menyelaras usaha-usaha untuk mencapai kecemerlangan sesebuah organisasi. Dalam konteks ini pemimpin tersebut perlu mempunyai hubungan yang rapat dengan pengikut atau anak buahnya (Cribbin,1972) dan menunjukkan tanggungjawabnya kepada orang bawahannya dalam mengorientasikan mereka dengan matlamat yang ditujui.

Dalam masyarakat Orang Asli, pemimpin dikenali pasti sebagai satu pangkat atau mekanisme yang penting. Menurut (Nicholas, 1998) dalam masyarakat Orang Asli, pangkat pemimpin perlu untuk mengemukakan dan mengambil tindakan ataupun dalam membantu menyampaikan semangat kepada anak buahnya di peringkat akar umbi. Mengulas tentang kepemimpinan dalam masyarakat Semai, Achom (1984: 4-5) berpendapat bahawa kepemimpinan mereka terbahagi kepada berbagai-bagai peringkat. Setiap peringkat itu mempunyai gelaran dan fungsinya yang tersendiri. Antaranya ialah Tok Raja dan Tok Menterik yang dipilih oleh ketua puak manakala jawatan, Tok Batin, Jurukerah dan Tandil yang kebiasaannya dipilih berdasarkan budi bicara penduduk tempatan.

Makalah ini bertujuan untuk melihat bagaimana masyarakat masyarakat Orang Asli ini melalui sebuah novel memperlihatkan kepemimpinan mereka untuk merekayasa benteng pertahanan mereka terhadap ancaman yang melanda kehidupan mereka pada lewat abad ke-19 itu.

### **Pernyataan Masalah**

Peristiwa bersejarah tentang sesuatu bangsa merupakan dokumen yang sangat penting. Memperkatakan tentang kepentingan sejarah ini Abdul Halim Ali (2012:16) berpendapat bahawa:

*“Dalam kerangka membina tamadun dan kehidupan hari muka, sejarah dirujuk dan dianalisis untuk melihat signifikasinya dalam hubungan memandu dan membentuk pola-pola tindakan tentang bagaimana dan mengapa ia perlu melakukan sesuatu yang lain pada masa terkini atau akan datang. Oleh itu, sesuatu peristiwa sejarah itu seringkali diajarkan, disebarluaskan, diingati, dicatat atau didokumentasikan supaya diketahui oleh seseorang atau sesuatu bangsa”.*

Pendapat ini menjelaskan kepada kita betapa pentingnya peristiwa-peristiwa dalam konteks kehidupan sesuatu bangsa. Lantaran itu, dalam jagat kesusasteraan juga peristiwa-peristiwa sejarah sering diangkat sebagai sumber ilham dalam pengkaryaan. Hal ini dikatakan

demikian kerana penulisan karya sastera yang berkisar tentang sejarah menyimpan masa lampau manusia dan dapat memberikan informasi-informasi tentang masa lalu (Hanafiah, 2010: 3). Dalam konteks ini Abdul Halim Ali (2012: 18) menjelaskan bahawa kesusasteraan berfungsi sebagai pembicara yang boleh berbicara tentang bangsanya dengan visi untuk melihat kesesuaian makna teks kesusasteraan dengan sejarah dan kehidupan terkini sesuatu masyarakat. Hal yang sama pernah disuguhkan oleh Siti Fatiemah Sa'at dan Jama'yah Zakaria (2013:88) semasa memperkatakan tentang cerita rakyat masyarakat Orang Asli. Mereka berpendirian bahawa penulisan tentang masyarakat Orang Asli sebenarnya mencerminkan manifestasi kehidupan, pandangan hidup serta lambang jati diri masyarakat tersebut serta cerita yang mengandungi pengajaran nilai dan budaya yang unik.

Hujah ini seiring dengan konsep sastera sebagai dokumen masyarakat, dan seseorang pengarang akan cuba memberi maklumat-maklumat dan memberi gambaran tentang sosio-politik raja, masyarakat, ekonomi dan sistem sosial sesebuah kerajaan (Norazimah Zakaria, 2014 :268). Namun salah satu perkembangan yang agak mengecewakan ialah penulisan dan pembicaraan tentang hasil-hasil karya masyarakat Orang Asli ini tidak begitu memberangsangkan dan mendapat perhatian dalam dunia kesusasteraan Melayu. Hal ini pernah diakui oleh Juli Edo (1990:9) semasa membicarakan masyarakat Semai dan berpendapat bahawa masyarakat ini tidak mempunyai himpunan sejarah silam yang direkodkan. Lantaran itu, kajian tentang masyarakat ini hanya dimungkinkan melalui kupasan ke atas tradisi lisan mereka semata-mata. Di samping khazanah lisan ini, karya-karya kesusasteraan juga mampu untuk memberi ruang kepada kita untuk mengenali hati budi masyarakat ini. Namun demikian sejauhmanakah karya sastera mampu diangkat sebagai dokumen sejarah masih dipertikaikan.

Pada zaman Sangkil, masyarakat Orang Asli menghadapi tamparan yang hebat. Menurut Juli Edo (1990: 124) masyarakat ini terpaksa berpecah ke dalam kelompok-kelompok yang kecil dan masing-masing lari menyelamatkan diri dan hidup bertaburan. Menurut Supardi Djoko Damono (1978:131) peristiwa-peristiwa yang terjadi dalam batin seseorang yang sering menjadi bahan sastera adalah pantulan hubungan seseorang dengan orang lain atau dengan masyarakat. Lantaran itu, peristiwa Sangkil ini amat bermakna untuk dikaji. Pada masa yang sama pula dari sudut kepemimpinan pula Nicholas (2002) berpendapat bahawa kebanyakan masyarakat Orang Asli, secara tradisinya tidak memiliki struktur kepimpinan dalam apa jua bentuk. Hal ini memberi ancaman kepada masyarakat ini. Tambahan pula, Juli Edo (1990) berpendapat bahawa zaman ini telah menyebabkan orang Asli bersikap pasif, pemalu, rendah diri, tidak yakin pada diri sendiri dan berbagai-bagai sikap yang negatif yang terbawa-bawa hingga ke hari ini. Lebih-lebih lagi dalam keadaan zaman perang, masyarakat yang menghadapinya perlu memiliki seorang pemimpin yang mampu menyalurkan kepimpinan kepada masyarakatnya menghadapi ancaman tersebut. Persoalannya, sejauhmana novel *Perang Sangkil* hasil nukilan Akiya mencerminkan kepimpinan masyarakat Orang Asli ini semasa menghadapi Zaman Sangkil?

Perbincangan dan kajian tentang masyarakat Orang Asli ini sering mengundang polemik. Hal ini pernah diluahkan oleh Nicholas (2000) yang berpendapat bahawa wacana perbincangan tentang Orang Asli ditentukan oleh *the other*, yakni bukannya oleh Orang Asli itu sendiri tetapi pihak yang berkuasa atau pemerintah. Kini, Orang Asli berjaya memperkasa kekuatan diri mereka untuk menulis tentang diri mereka. Dalam konteks ini naratif Akiya, sebenarnya mengetengahkan suara-suara masyarakat Orang Asli dari pedalaman yang selama ini jarang ditonjolkan (Badrul Redzuan, 2005). Malahan Menurut Azhar Hj Wahid (2016) Akiya merupakan seorang penulis yang berjiwa masyarakat dan begitu simpati terhadap penderitaan yang diharungi oleh kaum peribumi. Perang Sangkil yang telah menjadi mala petaka kepada masyarakat Orang Asli telah dihadirkan oleh Akiya yang menjadi perantara untuk mengemukakan suara-suara masyarakat ini yang selama ini membisu di ruang

pedalaman. Akiya melalui novel ini cuba berusaha untuk mengartikulasi identiti tulen mereka kepada khayalak pembaca Malaysia yang terdiri daripada pelbagai budaya. Hal ini pernah diakui oleh Wan Zawawi Ibrahim (2001) semasa menyentuh tentang penulisan lain Akiya. Menurutnya tidak seperti kebanyakan ahli intelektual yang lain daripada kalangan Orang Asli, Akiya telah memilih sastera sebagai wadah untuk mengutarakan pandangannya dan dalam membicarakan tentang orang-orang Asli. Hal yang sama pernah diutarakan oleh Azhar Hj. Wahid (2016, p.315) yang berpendapat bahawa bagi Akiya:

*“Pemikiran yang sering dijadikan bahan utama dilontarkan kepada masyarakat supaya dapat dirasai bersama jerit payahnya hidup dalam kemiskinan. Pembelaan terhadap mereka sering dilakukannya bila saja ada kesempatan, melalui tulisan, ceramah, perjuangan politik serta sebagai pentadbir awam yang pernah disandangnya”.*

Sejauhmanakah pendekatan Akiya dalam membawa wacana seumpama ini berjaya mengangkat polemik yang telah mewarnai masyarakat Orang Asli dalam novel *Perang Sangkil* ini wajar diteliti. Badrul Redzuan (2005) telah merumuskan bahawa “... *through literature and writing, Akiya has admirably moved Orang Asli voices out of the silent shadow of vilification*” (p.14). Ramai pengkaji dan penganalisis sastera telah mengkaji dan menyelidik pelbagai aspek dan perspektif dalam karya-karya Akiya ini. Namun demikian tidak ada usaha untuk melihat sisi kepimpinan dalam karya-karya tersebut. Malahan kajian tentang Pendekatan Pengurusan dalam kesusasteraan Melayu masih berada di peringkat awal. Terdapat beberapa kajian awal yang telah dilaksanakan seperti kajian Mohamad Mokhtar Abu Hassan, Mohamad Zuber Ismail dan Sara Beden. Namun kecuali kajian Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013) yang mengaplikasikan pendekatan ini untuk membincang cerpen yang bertajuk “Di Sebalik Tirai Makna” jelas kelihatan pendekatan ini masih berlegar di sekitar sastera tradisional semata-mata. Tambahan pula usaha untuk mengaplikasikan pendekatan ini ke atas genre novel juga terbatas dan hanya terkesan melalui usaha Mokhtar Hassan ke atas novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Hal ini jelas memperlihatkan kepada kita wujudnya ruang kelompondan. Oleh itu, kajian yang dijalankan bertujuan untuk melihat kesesuaian pendekatan pengurusan untuk meneliti genre novel masyarakat Orang Asli.

### ***Perang Sangkil***

Naratif *Perang Sangkil* merupakan hasil nukilan seorang pengarang daripada “komuniti yang terpinggir dan tidak berada dalam pentas sejarah atau tidak mempunyai ruang untuk menulis sejarah lantaran tidak aktif dalam ruang epistemologi” (Mohamad Saleeh Rahamad, 2014:34). Novel ini telah diterbitkan pada 2007 oleh PTS yang telah ditulis oleh Akiya. Akiya ialah nama pena Mahat a/l China yang merupakan penulis yang berasal daripada kaum Orang Asli Semai. Beliau dilahirkan pada 2 Januari 1953 di Kg Changkat Kereta, Ulu Bernam, Hilir Perak. Untuk membaca lebih lanjut tentang penulis ini sila rujuk Azhar Hj Wahid (2016) dan Heikkila (2016).

Novel ini menceritakan peristiwa sejarah yang jarang mendapat perhatian dalam sejarah Malaysia (Heikkila, 2016). Novel ini berkisar tentang sejarah perhambaan di sekitar tahun 1890-an yang setakat ini tidak pernah ditulis kerana “terperosok dalam belantara dan tidak dianggap mencorakkan sejarah tanah air” (Mohamad Saleeh Rahamad, 2014:34). Cerita ini mengambil latar tahun 1874 di kawasan pedalaman yang bernama Changkat Rimau. Kampung tersebut telah diancam oleh sangkil (lihat Heikkila (2016: 341-342) untuk memahami konsep ini dengan lebih lanjut lagi) yang memburu kanak-kanak dan wanita Orang Asli untuk dijadikan hamba. Pembesar Melayu dikatakan memburu Orang Asli yang muda-muda, yang lelaki dijadikan sebagai hamba manakala gadis-gadis yang ditangkap dijadikan sebagai

gundik (Azhar Hj Wahid, 2016: 316). Hal ini menyebabkan kehidupan penduduk di Changkat Rimau itu menjadi porak-peranak dan golongan masyarakat Orang Asli perlu menangani ancaman ini dengan pelbagai teknik seperti melarikan diri jauh lebih ke dalam belantara untuk mengelakkan pertembungan dengan golongan orang luar. Namun potensi perdagangan telah menyebabkan orang tengah yang terdiri daripada golongan Melayu mula berhubung dengan masyarakat Orang Asli ini seperti Lemau dalam novel ini.

Terdapat dua versi lisan berhubung Perang Sangkil ini. Satu daripada usaha Juli Edo (1990) dan satu lagi hasil usaha Dentan (2009). Cerita dalam novel ini sebenarnya bersumberkan naratif fiktif yang diangkat daripada sejarah lisan (Mohamed Saleeh Rahamad, 2014: 34) kaum Orang Asli Semai. Azhar Hj Wahid (2016:317) berpendapat bahawa novel *Perang Sangkil* ini menggambarkan kekalutan, kebodohan, kebingungan, kesangsian, rasa takut, cemburu, ego, berani, penipu, pembohong, pelupa, rakus, tamak sabar, setia kawan dan sebagainya di samping menceritakan keperitan dan semangat patriotisme anak-anak peribumi memperjuangkan peradaban bangsanya. Makalah ini akan melihat aspek pengurusan dari sudut prinsip kepemimpinan masyarakat Orang Asli ini dalam menghadapi Zaman Perang Sangkil ini secara ringkas.

### **Tinjauan Kajian Lepas**

Kajian tentang penulis novel ini telah dilakukan oleh Badrul Redzuan (2005). Kajian ini telah melihat kumpulan cerpen *Tuntut* yang telah dihasilkan oleh Akiya. Pengkaji berpendapat bahawa Akiya telah menyentuh tentang beberapa persoalan ideologi Orang Asli melalui karya ini terutamanya tentang beberapa ‘suara’ yang sekian lama terpinggir. *Tuntut* memperjuangkan suara-suara masyarakat Orang Asli serta jati diri mereka. Walau bagaimanapun kajian ini berbeza kerana melihat genre novel nukilan Akiya untuk menilai lakarkan representasi kepemimpinan masyarakat orang Asli.

Kajian Azhar Hj Wahid (2016) pula telah mengkaji novel *Perang Sangkil* ini. Namun demikian tumpuan kajian ini lebih menjurus kepada aspek menilai karya ini dalam konteks pembinaan keunggulan patriotisme dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Manakala kajian yang dilakukan oleh Mohamed Saleeh Rahamad (2014) juga telah menjadikan novel *Perang Sangkil* ini sebagai teks kajiannya. Pendekatan yang digunakannya lebih menjurus kepada pendekatan *Subaltern*. Kajian Heikkila (2016) pula menggunakan novel ini untuk melihat peristiwa Perang Sangkil dan menggunakan pendekatan etnografi. Ketiga-tiga kajian ini walaupun menggunakan teks yang sama dengan kajian ini, dari sudut pendekatan dan tumpuan jelas memperlihatkan perbezaan. Kajian ini lebih berkecenderungan untuk melihat pengaplikasian pendekatan pengurusan yang belum diguna pakai untuk mendekati novel *Perang Sangkil* ini.

Seperti yang telah dibincangkan, Pendekatan Pengurusan memperlihatkan kecenderungan yang tinggi untuk berdiri teguh dalam satu landasan yang kukuh dalam dunia kritikan di Malaysia (Mohamad Zuber Ismail, 2017: 29). Namun demikian penggunaan pendekatan ini agak masih terbatas. Kajian yang menggunakan pendekatan ini banyak telah dijalankan oleh Mohamad Mokhtar Hassan, Mohamad Zuber Ismail dan Sara Beden. Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013), telah memperkenalkan pendekatan ini melalui satu makalah yang bertajuk “Pendekatan Pengurusan: Satu Metode dalam Kritikan Sastera yang melihat pengaplikasian ke atas cerita binantang, jenaka dan cerpen. Kajian ini lebih merupakan kajian rintis yang cuba mengaplikasikan pendekatan pengurusan. Usaha ini kemudiannya disambung oleh Mohamad Zuber bin Ismail dan Mohamad Mokhtar Hassan pada tahun 2014 dalam kajian mereka yang berjudul “Prinsip Perancangan: Penelitian dalam Cerita-cerita Rakyat” yang hanya membataskan penelitian terhadap prinsip perancangan. Kajian berikutnya ialah kajian Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden dan Mohamad Mokhtar Hassan (2014) yang telah menggunakan aspek pengurusan dalam *Hikayat Awang Sulung*

*Merah Muda* yang menggunakan prinsip kepemimpinan. Pada tahun yang sama Sara Beden pula telah menggunakan pendekatan ini untuk mendekati cerita bingkai dalam artikelnya yang bertajuk “Prinsip Perancangan dalam *Hikayat Khoja Maimon*”.

Seterusnya, Mohamad Zuber Bin Ismail, Sara Beden dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan sekali lagi meluaskan perbincangan menggunakan pendekatan ini dalam makalah mereka yang diterbitkan oleh *Journal of Bussiness and Social Development* pada 2015. Mohamad Zuber Ismail dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2016) juga telah menggunakan pendekatan ini sekali lagi untuk mengkaji cerita penglipur lara *Hikayat Malim Dewa* dalam *Jurnal Pengajian Melayu*. Kajian ini memperlihatkan pengaplikasian Prinsip Perancangan dalam *Hikayat Malim Dewa*. Pada tahun 2017, satu lagi kajian yang menggunakan pendekatan ini telah diterbitkan bersama oleh Mohamad Zuber Ismail dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan dalam *Journal of Business and Social Development* bertajuk “Prinsip Perancangan Dalam *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*”. Kajian Ijazah kedoktoran Mohamad Zuber Ismail (2017) yang bertajuk “Cerita Lipur Lara Terpilih Berdasarkan Pendekatan Pengurusan” merupakan satu-satunya kajian lengkap yang telah menggunakan kelima-lima prinsip dalam pendekatan pengurusan, iaitu Prinsip Perancangan, Prinsip Kepimpinan, Prinsip Pengorganisasian, Prinsip Penstafan Dan Prinsip Kawalan dalam kajiannya. Ternyata pendekatan dan kajian yang menggunakan prinsip pengurusan dalam karya sastera masih belum menyeluruh.

### **Kaedah dan Kerangka Kajian**

Jenis penelitian ini menggunakan penelitian kepustakaan dengan menggunakan pendekatan analisis deskriptif. Analisis deskriptif, digunakan untuk menggambarkan bagaimana watak pemimpin merancang dalam proses memimpin masyarakatnya untuk menghadapi acaman peperangan dalam novel ini. Dalam penelitian ini, data primer ialah novel *Perang Sangkil* Karya Akiya terbitan PTS tahun 2007. Kajian ini ingin mengkaji bagaimanakah watak pemimpin dalam novel *Perang Sangkil* ini menguruskan masyarakat Orang Asli di bawahnya untuk menghadapi perang ini dalam konteks kaca mata kesusasteraan.

Kerangka kajian yang akan digunakan untuk makalah ini ialah pendekatan pengurusan yang telah dikemukakan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013). Dalam pendekatan ini terdapat lima prinsip yang utama yakni prinsip perancangan, prinsip kepemimpinan, prinsip pengorganisasian, prinsip penstafan dan prinsip pengawalan. Namun demikian hanya Prinsip Kepimpinan sahaja yang akan digunakan untuk kajian ini. Menurut Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2016) kepimpinan dapat ditakrifkan sebagai:

*Seni atau proses mengetuai dan mempengaruhi kegiatan manusia yang berkaitan dengan tugas mereka supaya mereka rela bergiat dan berusaha ke arah pencapaian matlamat organisasi.*

(2016, p.11)

Dalam prinsip ini daya pengamatan terhadap pemikiran dan pengalaman dilihat dalam empat dimensi yakni Dimensi Pentadbiran, Dimensi Pendidikan, Dimensi Tanggungjawab Sosial dan Dimensi Ekonomi Mohamad Zuber Bin Ismail, Sara Beden dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2014, p. 101).

Secara mudahnya kajian ini akan menganalisis kebolehan watak pemimpin merealisasikan aspek kepemimpinan dimensi pentadbiran dalam memimpin masyarakatnya menghadapi Perang Sangkil. Kupasan analisis akan berdasarkan tiga peristiwa penting terpilih yang dapat dikesan dalam perkembangan plot novel *Perang Sangkil* ini.

### **Analisis**

Dalam sesuatu peperangan, objektif membantu pemimpin untuk memimpin anak buahnya untuk mencapai matalamat mereka. Hal ini boleh dilihat melalui tindakan-tindakan yang telah diambil oleh watak tersebut untuk mencapai sesuatu objektifnya. Untuk itu, analisis akan memberi fokus kepada tiga peristiwa yang dipilih untuk meninjau dan meneliti tindakan dan pemikiran watak Dirik seperti yang dilakarkan oleh pengarang dalam teks ini. Ciri kepemimpinan karismatik akan digunakan untuk menelaah data untuk melihat sejauh mana novel *Perang Sangkil* mencerminkan perspektif kepemimpinan. Menurut Cogner dan Kanungo (2011) seorang pemimpin karismatik ialah pemimpin yang mempunyai tujuh ciri iaitu keyakinan diri, berwawasan, kebolehan menyebarkan wawasan, keyakinan dan kesungguhan tentang wawasan, perlakuan luar biasa, dianggap agen perubahan dan peka pada persekitaran. Ciri kedua, ketiga dan keempat yang berkaitan dengan wawasan akan digabungkan dalam penelitian ini.

#### **Peristiwa 1: Perpindahan Sebagai Strategi Menghadapi Serangan Sangkil**

Untuk menghadapi serangan sangkil penduduk Changkat Rimau telah mengambil keputusan untuk berpindah. Walaupun cadangan dan keputusan orang ramai ini tidak menyakinkan, Dirik sebagai ketua mereka telah bersetuju dengan pendapat anak buahnya. Keputusan ini merupakan satu keputusan yang berat bagi dirinya. Hal ini dinyatakan dalam petikan berikut:

*Dirik bersetuju dengan cadangan anak-anak buahnya, mereka mesti berpindah ke tempat baru, melarikan diri ke tempat baru, bersembunyi di tempat baru, berhuma di tempat baru, berpindah ke arah Changkat Sulung, walaupun Dirik merasakan betapa ruginya mereka meninggalkan kampung halaman mereka sekarang.*

(Akiya: 2007:11)

Dengan akur kepada kehendak ramai, Dirik kelihatan sebagai pemimpin yang demokrasi kerana mengambil keputusan mengikut pandangan anak buahnya. Namun dia tidak setuju dengan cadangan untuk berpindah itu. Kepemimpinan demokrasi menuntut pemimpin melaksanakan keputusan berdasarkan aturan yang dibuat bersama antara masyarakat yang dipimpin dengan pemimpin. Memandangkan dirinya tidak begitu yakin dengan keputusan tersebut, Dirik telah membentuk beberapa strategi untuk melengah-lengahkan keputusan untuk berpindah itu. Strategi pertamanya ialah untuk menetapkan masa perpindahan yang telah dipersetujui itu selepas musim menuai (Akiya, 2007: 13). Setelah itu, Dirik telah memaklumkan keputusan tersebut kepada Leman yang merupakan orang tengah bagi mereka bertukar-tukar barangan keperluan tetapi ini telah menimbulkan curiga daripada Sidang. Sidang beranggapan bahawa Leman ialah tali barut yang mendedahkan maklumat tentang masyarakat Orang Asli ini kepada Sangkil. Lantaran itu, Dirik sebagai pemimpin cuba mencari pilihan alternatif dan berkeyakinan untuk tidak berpindah. Dalam konteks ini Dirik menilai semula keputusan tersebut. Dia telah mengambil keputusan untuk menunda rancangan untuk berpindah setelah peristiwa kehilangan Araah (Akiya, 2007: 37). Bagi Dirik tindakan berpindah itu, seolah-olah hendak melarikan diri dan menyorok tetapi tidak menghadapi cabaran yang sebenar.

Dirik telah memberikan pandangannya berhubung dengan keputusan tersebut, Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

*Dirik memberitahu mereka, sangkil tidak akan menyerang mereka. Dirik tidak mahu anak-anak buahnya berpindah-randah. Mereka patut sangat duduk menetap di satu tempat. Cangkat Rimau masih selamat daripada sangkil.*

(Akiya, 2007: 84)

Keputusan ini merupakan strategi yang telah diambil oleh Dirik setelah membuat penilaian terhadap pendiriannya. Alasan pertamanya ialah jika sangkil ingin menyerang mereka, sudah lama tempat mereka itu tidak selamat (Akiya, 2007:86) dan baginya Cangkat Rimau masih selamat dan masih boleh didiami oleh masyarakatnya (Akiya, 2007:86). Walaupun Balun dan Sidang menuduhnya telah bersekongkol dengan *Gop Empoj* tetapi Dirik masih tenang dan bercakap dalam nada memujuk sahaja (Akiya, 2007:86).

Keputusannya telah menimbulkan krisis sehingga Balun secara terang-terang menuduhnya sebagai pembelot yang berusaha untuk menjual masyarakat mereka. Namun demikian reaksi anak-anak buahnya itu tidak mampu menggugat pendirian Dirik. Hal ini turut menyerlahkan sifat kepemimpinan Dirik. Walaupun pelbagai tekanan diberikan oleh Balun dan anak buahnya yang lain, Dirik bersabar dan menghormati pandangan dan pendirian anak buahnya. Insiden-insiden penentangan tersebut jelas tidak menggugat semangat Dirik atau melemahkan dirinya. Daya ketahanan yang kental menjadi aset kepada kepemimpinan Dirik. Cabaran emosi ini tidak menggugat keputusannya untuk mempertahankan masyarakatnya untuk tetap bermastautin di Cangkat Rimau yang amat disayangnya. Alternatif kesabaran yang digunakan itu akhirnya berjaya menobatkannya sebagai seorang pemimpin yang berjaya. Pendekatan bijak ini akhirnya membuahkan hasil sehingga Dirik diiktiraf oleh Sultan Perak sebagai Dato' Batin Lela Perkasa yang diberi surat kuasa dan sebilah keris melalui Dato' Berangan. Dalam peristiwa ini, watak Dirik bijak menggunakan prinsip kepemimpinan dalam dimensi pentadbiran seperti yang dicadangkan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013).

## **Peristiwa 2: Strategi dengan *Cinak Bedok***

Peristiwa kedua yang akan dikupas ialah peristiwa kehadiran *Cinak Bedok* di Cangkat Selarung. Golongan baharu itu telah mendapat kebenaran untuk membuka kawasan tersebut. Namun pencerobohan itu telah menimbulkan ketegangan dengan masyarakat Orang Asli kerana kehadiran mereka dilihat sebagai usaha golongan sangkil untuk menghimpit kehidupan mereka. Peristiwa Balun membelasah salah seorang *China Bedok* telah menimbulkan ketegangan dan menguji kepemimpinan Dirik. Dalam peristiwa ini Dirik menetapkan objektifnya dengan jelas iaitu untuk menyelesaikan masalah tersebut tanpa menjejaskan kedamaian yang wujud di kawasan hutan tersebut. Dalam fikiran Dirik dan Araah, golongan Cina tidak memberi masalah kepada mereka (Akiya, 2007:212). Hal ini kelihatan melalui tindakan Dirik. Lihat kutipan berikut:

*Dua hari kemudian, kumpulan Cina itu datang mengadu kepada Dirik, Dirik berjanji akan menyiasat dan akan menegur sikap Balun. Dirik akan menyiasat Balun kalau-kalau sengaja mencari masalah.*

(Akiya, 2007: 216)

Tindakan Dirik ini sangat bijak kerana tidak mengambil keputusan dengan segera tetapi meminta masa dan memberi jaminan bahawa dia akan membuat penyiasatan terlebih dahulu.

Dia tidak mahu mengeruhkan keadaan memandangkan perwatakan Balun yang panas baran itu. Dirik berhati-hati kerana tidak mahu merenggangkan persahabatan antara orang dalam dengan kumpulan Cina *Bedok* (Akiya, 2007: 223). Sebagai pemimpin dia mengakui bahawa dia berasa malu kerana tidak dapat menyelesaikan masalah itu (Akiya, 2007: 223) kerana kumpulan Cina itu telah mendapat kebenaran daripada Dato' Berangan. Namun dia tidak berlembut apabila kapitan Cina itu mengancam dan memberi mereka kata dua bahawa orang dalam tidak dibenarkan berkeliaraan di tempat mereka. Dirik juga telah bersemuka dengan Balun dan menyoalnya tentang tindakannya itu.

Melalui peristiwa ini kita dapat melihat akan ketegasan Dirik yang mempertahankan hak mereka. Walaupun kumpulan Cina itu telah mendapat kebenaran, Dirik telah bertegas bahawa mereka berhak untuk mencari rezeki di kawasan yang sedang diusahakan oleh kumpulan Cina itu. Sebagai ketua dia telah mempertahankan hak orang dalam tersebut tetapi sebagai penghuni yang sama-sama bermanfaat. Pada masa yang sama dia sebagai ketua orang dalam memberi jaminan bahawa anak buahnya tidak akan mencederakan kumpulan orang Cina itu. Dia juga terasa tercabar dengan kebiadaban yang ditunjukkan oleh Kapitan Cina itu. Hal ini memperlihatkan kematangan dan kebijaksanaan yang telah digunakan oleh Dirik dalam menangani masalah ini. Setelah itu Dirik ingin bersemuka sekali lagi dengan kumpulan Cina itu setelah Sarip, Kupang, Jantung dan Sidang diancam oleh kumpulan *Cinak Bedok* itu. Isu ini menjadi lebih parah apabila Araah dan Sidang turut merasakan kumpulan Cina itu sudah keterlaluan.

Namun demikian kehilangan Han Ilon, anak Yok Tamat mengeruhkan lagi keadaan. Peristiwa penemuan Han Ilon oleh kumpulan Cina itu memberi ruang kepada Dirik untuk membuat perbincangan dan mencari perdamaian untuk menjernihkan keadaan dan salah faham di antara kedua-dua pihak ini. Akhirnya Dirik berjaya merungkaikan perbalahan itu dengan bijak. Dia sedar bahawa masalah antara mereka itu terjadi kerana kelemahan orang dalam memahami bahasa *Gop* dan resam hidup orang *Cinak Bedoq* ini yang jauh berbeza dengan kehidupan orang dalam. Malahan mereka juga telah tersalah anggap kehilangan ahli kumpulan mereka sebagai kerja orang dalam. Apabila Dirik memberitahu bahawa mereka telah menemui tengkorak dan mengarahkan anak buahnya membawa mereka ke tempat itu, keadaan mula reda. Dirik sedar dalam hidup di hutan mereka perlu saling membantu antara satu sama lain (Akiya, 2007:247).

Peristiwa ini menyerlahkan ketokohan Dirik sebagai seorang pemimpin yang pandai merancang dan menjamin kepentingan anak buahnya tidak terjejas dalam apa jua keadaan pun. Dia tidak mahu mengeruhkan keadaan dan bertindak secara adil. Sifat pemimpin yang bijak dan licik ini akhirnya membantu kedua-dua pihak tersebut menyelesaikan masalah mereka dengan berkesan. Sungguhpun tindakan Dirik dilihat dan ditafsir sebagai tindakan yang merugikan orang dalam, tetapi berkat kecekapannya dia berjaya menyelesaikan masalah tersebut dengan baik. Watak Dirik ini jelas sekali memperlihatkan ketokohnya dalam menyelesaikan masalah dengan strategi kepimpinan yang efektif lagi berkesan serta berpandangan jauh.

### **Peristiwa 3: Kehilangan Anggo**

Dalam cerita ini Balun merupakan watak yang kelihatan agresif berbanding watak-watak yang lain. Dia telah menentang secara terang-terang tindakan Dirik yang cuba melambatkan proses perpidahan mereka untuk menghadapi ancaman sangkil. Dalam keadaan ini dia telah berprasangka buruk terhadap Leman. Dirik pula dilihatnya telah bersepakat dengan Leman untuk mendapat keistimewaan. Kehilangan anaknya telah mengeruhkan lagi keadaan. Hal ini telah menyebabkan Balun menuduh bahawa Leman merupakan orang yang bertanggungjawab

atas kehilangan tersebut. Balun tidak berdiam diri tetapi telah mencari ruang untuk bertindak. Hal ini dapat dilihat dengan jelas melalui ungkapan ini:

“Memang Leman yang menculik anak aku,” kata Balun.  
“Balun, tidak elok menuduh orang sembarangan,” kata Dirik.  
“Jangan buruk sangka sangat.”  
“Itulah kamu Dirik, percaya sangat pada Leman,” sergah Balun.  
“Anak aku menjadi mangsa,” tambah Balun.  
“Kita siasat dulu,” pujuk Dirik

(Akiya, 2007: 250-251)

Dalam hal ini Balun tidak dapat mengawal kemarahannya terhadap Leman. Namun demikian Dirik mengetahui hasrat Leman yang telah memintanya berbincang dengan Balun untuk mengambilnya sebagai anak angkat. Dalam keadaan ini Dirik telah bertindak meminta Yok Tamat memerhatikan Balun. Lihat permintaan Dirik kepada Yok Tamat ini:

*“Elok kamu perhatikan Balun itu,” kata Dirik kepada Yok Tamat.  
“Jangan sampai Balun mencederakan Leman,” kata Dirik lagi.  
“Balun berani,” kata Yok Tamat  
Yok Tamat membisu sejak tadi bersuara. Yok Tamat takut sangat Balun membunuh.  
“Kalaulah Leman, cedera, siapa lagi yang mahu datang berdagang dengan kita. Bekalan garam dan barang dari luar hanya Leman yang membawa masuk ke Changkat Rimau,” fikir Yok Tamat.*

(Akiya, 2007: 253)

Peristiwa ini turut menyerlahkan ketokohan Dirik sebagai pemimpin. Dia tidak memberi ruang kepada emosinya tetapi lebih matang dalam menyelesaikan masalah dengan kaedah perbincangan. Walaupun dia juga masih curiga dengan Leman tetapi setelah melihat kepulangan Anggo dia dapat melihat keikhlasan Leman dan hal ini juga mula diterima oleh Balun sendiri.

### **Perbincangan**

Berdasarkan tiga peristiwa yang dipilih ini, watak Dirik boleh ditinjau dalam menghadapi zaman Perang Sangkil ini. Sebagai seorang pemimpin, Dirik jelas memperlihatkan ciri seorang pemimpin karismatik yang keyakinan diri. Menurut Mariam Md. Salleh et. al. (2009) komponen kepimpinan merupakan faktor penting dalam membuat perancangan, pelaksanaan, pengawalan dan penilaian agar segala kelemahan dapat diatasi, peluang dapat direbut dan ancaman dapat dielakkan. Seperti yang dilihat dalam novel ini zaman yang menjadi latar masa dalam novel ini merupakan zaman yang penuh cabaran kepada golongan Orang Asli. Lantaran itu, seorang pemimpin yang memimpin mereka perlu memiliki kebijaksanaan dalam melaksanakan perancangan yang menguntungkan masyarakat mereka menghadapi ancaman.

Dalam konteks ini Dirik telah menetapkan matlamatnya untuk dicapai yakni tidak mahu berpindah. Dia telah berusaha merangka beberapa strategi ke arah mencapai matlamat tersebut. Sisi ini telah menonjolkan kepimpinan yang kental dalam diri Dirik yang menjadi ketua. Lihat pandangan dan penilaian watak Yok Tamat berhubung Dirik ini:

*Orang Changkat Rimau amat beruntung mendapat ketua seperti Dirik.” Begitu kata suara hati Yok Tamat.*

*“Kalau orang lain, mungkin sudah lama orang Changkat Rimau berpecah belah. Lari tidak tinggal menetap, dari satu ladang ke satu tapak ladang baru, berpindah randah. Orang seperti Dirik memang layak menjadi ketua,” fikir Yok Tamat lagi.*

(Akiya, 2007: 260)

Tanpa perancangan yang jelas sudah semestinya seseorang pemimpin itu akan dilihat lemah dan tidak berupaya menjadi pemimpin.

Ketiga-tiga peristiwa yang dibincangkan di atas jelas memperlihatkan kemampuan Dirik yang bertindak dengan keyakinan walaupun dalam keadaan yang sangat berisiko. Di samping itu, seorang pemimpin seyogianya memiliki kemahiran untuk mempengaruhi orang bawahan. Kemampuan ini sangat kritikal kerana tanpa kemahiran ini pemimpin tidak mampu bertindak dengan berani. Dalam novel ini Dirik sememangnya mempamerkan nilai-nilai ini dalam setiap situasi yang dihadapi oleh penduduk Cangkat Rimau. Dirik berjaya menonjolkan sikap adil, telus, amanah, berani dan sebagainya. Umpamanya dalam peristiwa menghadapi rombongan dan permintaan Kapitan Cina, Dirik dengan berani mempertahankan hak orang dalam untuk mencari rezeki. Malahan dia cuba menerangkan punca yang menyebabkan ketegangan antara orang Cina dengan Balun tempoh hari dengan matang.

Menurut Ab. Aziz (2000), seorang pemimpin yang cekap dapat membuat analisis setiap perubahan yang dengan cekap dan mendalam. Hal ini sememangnya ketara dalam diri Dirik. Dalam masalah kehilangan Anggo, kita dapat melihat tindakan Dirik yang berjaya melihat pertalian antara kehilangan Anggo dan permintaan Leman untuk menerimanya sebagai anak angkat. Hal ini telah mempengaruhi tindakannya terhadap Leman dan dia bertindak dengan bijak tanpa memberi ruang kepada emosi untuk mengganggu dirinya dalam mencari penyelesaian. Malahan dalam konteks ini pemimpin Changkat Rimau ini berwawasan dan mampu membuat anak buahnya melihat keputusannya dalam konteks yang lebih luas. Balun dan Yok Tamat dapat memahami keadaan dan menerima Leman dengan lebih terbuka selepas itu. Sebagai seorang pemimpin, Dirik telah menciptakan suatu proses dan sistem yang kondusif untuk mengarahkan setiap anak buahnya yang menghuni di Changkat Rimau agar menjalani tugas atau kehidupannya sesuai dengan aturan. Dalam konteks ini seorang pemimpin harus berinteraksi dalam memastikan anak buahnya menjalankan tugas atau kehidupannya sehari-hari dengan betul. Lebih-lebih lagi dalam era zaman peperangan, Dirik telah berjaya mengawal anak buahnya yang menghuni di kawasan Changkat Rimau ini dengan gaya pentadbirannya yang bijak. Walaupun mereka kelihatan tidak setuju atau menentang pendirian Dirik tetapi melalui interaksi yang bijak dan berwasanan, Dirik mampu menundukkan dan memenangi hati mereka.

Seseorang pemimpin juga amat diperlukan untuk bertanggungjawab memastikan sebarang perubahan yang dilakukan menepati jangkaan serta keperluan masa depan mereka. Dirik tidak terburu-buru memutuskan hubungan dengan Leman yang menjadi orang tengah yang menyalurkan dan menukar barangan serta garam untuk masyarakat orang dalam ini. Dirik telah membuat pertimbangan yang mendalam sebelum menjejaskan hubungan yang telah terbina itu. Lantaran itu, tidak keterlaluan jika kita katakan bahawa Dirik bertindak selaras dengan jangkaan yang telah dibuat berdasarkan keperluan persekitaran. Selain itu, seseorang pemimpin juga perlu memperlihatkan bahawa dirinya bersikap terbuka terhadap perkara-perkara baru. Dirik memperlihatkan sisi ini semasa menerima kunjungan rombongan Dato' Berangan tetapi berjaga-jaga dengan pengikutnya yang kelihatan was-was terhadap masyarakat orang dalam ini. Kepimpinan Dirik menonjolkan kepada pembaca bahawa dia merupakan

seorang pemimpin yang berwawasan, berkebolehan untuk menyebarkan wawasannya walaupun dirinya dicurigai serta memiliki kesungguhan dalam melaksanakan wawasan yang ada dalam dirinya. Perlakuan Dirik yang mengaplikasikan pengurusan strategik di samping melibatkan pengurusan jangkaan dan masa hadapan yang membolehkan pemimpin ini berjaya menjadi agen perubahan yang peka pada persekitarannya.

### **Kesimpulan**

Novel *Perang Sangkil* ini merupakan sebuah novel tentang zaman perang. Walaupun tidak membincangkan pertempuran, novel ini sebenarnya mengangkat perang yang berlaku di minda masyarakat Orang Asli yang cuba mempersiapkan diri mereka dalam era yang menguji keselamatan mereka. Dalam novel ini ketahanan watak Dirik jelas menonjolkan dimensi pentadbiran yang kental, bijak, cekap dan berwawasan untuk menghadapi peperangan tersebut. Masyarakat Orang Asli begitu mengeruni peperangan ini dan novel ini telah menyelami strategi dan perancangan mereka menghadapi cabaran ini dengan ketahanan lebih matang. Dalam konteks ini tugas pemimpin mereka amat penting kerana tanpa ketua dan wawasannya yang jelas dan matang mereka mungkin akan menjadi mangsa peperangan tersebut dan mangsa sistem perhambaan. Hal ini telah dilakarkan dengan menarik oleh penulis, yakni Akiya. Novel ini telah menyelami sisi masyarakat Orang Asli dalam menghadapi ancaman yang meletakkan cabaran yang besar terhadap kelangsungan hidup mereka. Hal ini dihadapi dengan benteng ketahanan mental yang kental. Suara ini jelas terakam dalam perkembangan plot novel ini.

Dari analisis kepemimpinan di atas dapat ditarik kesimpulan bahawa penulis telah mencipta watak Dirik dengan begitu baik dan ideal. Kepemimpinan yang matang membantu masyarakatnya untuk mengharungi cabaran serangan yang telah menghancurkan masa depan Orang Asli pada era 1890-an. Kita perlu akui bahawa setiap pemimpin yang memimpin beragam kerana berasal dari bermacam-macam latar belakang yang berbeza seperti agama, pendidikan, budaya, ras dan keperibadiannya. Namun demikian perlukisan yang ideal tentang kepemimpinan seolah-olah sukar meyakinkan pembaca. Ada kajian (Heikkila, 2016) yang telah mengaitkan penulis dengan watak Dirik yang dikatakan sebagai leluhur penulis tersebut. Apakah faktor ini telah mempengaruhi ciptaan watak tersebut? Hal ini perlu didalami dengan kajian yang lain.

### **Rujukan**

- Ab. Aziz Yusof, 2000. *Perubahan dan kepimpinan*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Abdul Halim Ali, (2012). "Satu Analisis Pengkisahan Semula Sastera Melayu Tradisional dalam Perspektif Baharu" *Jurnal Perspektif* Vol. 4 (2): 16-27.
- Achom Luji, 1984. "Kebudayaan Orang Asli dan Kebudayaan Kebangsaan dalam Simposium Pembangunan dan Masa Depan orng Asli Semenanjung", Bangi, UKM: Jabatan Antropologi dan Sosiologi.
- Akiya, (2007). *Perang Sangkil*. Batu Caves, Selangor: PTS Fortuna.
- Andi Nurfitri, Suhana Saad dan Azmi Aziz, (2015). "Membangun kepimpinan organisasi berasaskan budaya lokal: Suatu analisis perbandingan". *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 11(9):54-66.
- Azhar Haji Wahid, (2016). "Perang Sangkil: Membina Keunggulan Patriotisme Masyarakat Peribumi dalm. Seri Lanang Jaya bin Rohani, Dlm. *Sang Budiman*. Batu Caves, Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.: 315-322.
- Azlina Zid, (2001). "Hubungan antara tingkah laku kepemimpinan transformasional jurulatih bola sepak dengan kepuasan prestasi individu pemain-pemain bola sepak sekolah-sekolah menengah di sekitar Daerah Alor Setar, Kedah" Tesis Ijazah Kedoktoran. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Badrul Redzuan Abu Hassan, (2005). *Orang Asli Talks in Akiya's Tuntut*. *Sari* 23: 3 – 14.

- Cogner, J. A. & Kanungo, R. N. (2011). "Toward a behavioral theory of charismatic leadership in organizational settings". *Academy of Management Review*, 12: 637-647.
- Cribbin, J. (1972). *Leadership strategies for organizational effectiveness*. New York: Amacon.
- Dentan Robert Knox, A. (2009). *Overwhelming Terror: Love, Fear, Peace, and Violence among Semai of Malaysia*. Petaling Jaya: Rowman & Littlefield.
- Hanafiah, (2010). "Aspek-aspek sejarah dalam karya sastra di zaman kerajaan Islam Aceh pada abad ke-19". Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Heikkila, K. (2016)." In situ testimonies: The witness of whetstones and Semai Orang Asli toponyms to the Rawa Malay slave raids". *Erdkunde*: 341-353.
- Ishak Mad Shah, (2006). *Kepimpinan dan hubungan interpersonal dalam organisasi*. Penerbit UTM, 2006.
- Juli Edo, (1990). *Tradisi lisan masyarakat Semai* (Vol. 16). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mariam Md. Salleh, Mohammed Sani Ibrahim dan Siti Rahayah Ariffin. (2009). "Kepimpinan dan Pengurusan Strategik di Institusi Pendidikan MARA". *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1): 219 – 233.
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2016). *Syarahan perdana: pengurusan dalam kritikan kesusateraan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan, (2013). "Pendekatan pengurusan: Satu metode dalam kritikan sastra". Himpunan Ilmuwan Sastra Melayu Malaysia Kedua Universiti Perguruan Sultan Idris, 4-5 Oktober.
- Mohamad Saleeh Rahamad. (2014). "Perang Sangkil: Antitesis Terhadap Gema Subaltem?". *Dewan Sastra*. Februari 2014: 33-39.
- Mohamad Zuber Ismail & Mohamad Mokhtar Abu Hassan, (2016). "Dimensi Perancangan dalam Hikayat Malim Dewa", *Jurnal Akademi Pengajian Melayu*, Jilid 27: 1-19.
- Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hasan. (2015). "Hikayat Awang Sulung Merah Muda dari perspektif pendekatan pengurusan". *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 26: 95-116.
- Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hasan. (2014). "Keintelektualan pemikiran melayu dalam cerita lipur lara". *The Journal of Business and Social Development*, Volume 3 (2):1-16.
- Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan, (2015). "Kepimpinan dalam Hikayat Awang Sulung Merah Muda dari Perspektif Pendekatan Pengurusan", *Jurnal Akademi Pengajian Melayu*, Jilid 26: 66-95.
- Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2014). "Prinsip kepimpinan: Analisis berdasarkan Hikayat Awang Sulung Merah Muda". Dlm. Prosiding 3rd International Language Conference (IIC), Centre for Languages and Pre-University Academic Development (Celpad), International Islamic University Malaysia (IIUM) 4th-6th Jun, 2014.
- Mohamad Zuber Ismail. (2017). "Kajian Cerita Lipur Lara Terpilih Berdasarkan Pendekatan Pengurusan". Tesis Ijazah Kedoktoran. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nicholas, C. (1990). "In the Name of the Semai? The State and Semai Society in Peninsular Malaysia".in Ghee, Lim Teck and Alberto G. Gomes (eds.), 1990. *Tribal Peoples and Development in Southeast Asia*. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- Nicholas, C. (2000). *The Orang Asli and the contest for resources: Indigenous politics, development, and identity in Peninsular Malaysia* (Vol. 95). International Work Group for Indigenous Affairs; Subang Jaya, Malaysia: Center for Orang Asli Concerns.
- Nicholas, Colin (2002). "Power and Politics". *Kyoto Review of Southeast Asia*. Issue 1 (March 2002).

- Norazimah Bt Zakaria, (2014). “Peranan Pengarang Tradisi dalam Melahirkan Masyarakat Pemikir”. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. 134: 259 – 269. Doi: 10.1016/j.sbspro.2014.04.247
- Sara Beden, (2015). “Prinsip perancangan dalam *Hikayat Khoja Maimun*”. *Pelita Bahasa*: 24-27.
- Siti Fatiemah Sa’at & Jama’yah Zakaria. (2013). “Masa Depan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Jakun”. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*: 83 – 88.
- Supardi Djoko Damono. (1978). *Sosiologi Sastera Sebuah Pengantar Ringkas*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Wan Zawawi Ibrahim. (ed). 2001. *Tuntut*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.